

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[KANOWIT]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 [SELASA]**

**SOALAN :**

**YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jurang pendapatan/kekayaan bagi isi rumah luar bandar dan bandar di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jurang pendapatan boleh diukur menggunakan nisbah ketidaksamaan pendapatan. Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) 2014, jurang pendapatan bagi isi rumah bandar dan luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

Indikator	Semenanjung Malaysia		Sabah		Sarawak	
	2009	2014	2009	2014	2009	2014
Nisbah ketidaksamaan pendapatan luar bandar: bandar	1:1.83	1:1.77	1:1.75	1:1.48	1:1.91	1:1.79

*Sumber : PPIR 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia*

Berdasarkan statistik tersebut, ia menunjukkan bahawa jurang pendapatan dalam kalangan rakyat Malaysia semakin mengecil dan bertambah baik.

Namun demikian, Kerajaan sedar ketidakseimbangan pendapatan masih wujud. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penyertaan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40) dalam aktiviti ekonomi tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan

kedudukan geografi bagi memastikan hasil ekonomi dapat dinikmati oleh semua kaum. Inisiatif yang dilaksanakan termasuk:

(i) **Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40; memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan; dan

(ii) **Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang.

Sekian. Terima kasih.